

**Malaysia catat KDNK 5% tahun ini, eskport turun, kata Hong Leong**  
**The Malaysian Insider**  
**Oct 7, 2015**

Hong Leong Investment Bank (HLIB) mengekalkan unjuran pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) tahun penuh 2015 pada 5% dan sasaran kadar dasar semalaman (OPR) pada 3.25%.

Bagaimanapun, ia berkata eksport Malaysia berkemungkinan terus berdepan kesukaran tahun depan disebabkan unjuran global yang suram, terutama bagi rakan dagang utama Malaysia, Amerika Syarikat dan China.

Dalam notanya hari ini, HLIB berkata isu domestik yang berterusan seperti kesan cukai barang dan perkhidmatan (GST), politik dan kelemahan ringgit juga mula menjejaskan permintaan tempatan, ditunjukkan menerusi penguncupan selama 6 bulan Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Nikkei yang mencatatkan 48.3 pada September, meningkat daripada 47.2 pada Ogos.

Firma penyelidikan itu menjangka pertumbuhan global kekal lembab berdasarkan data PMI yang terus mencatatkan kelemahan, ketiadaan kata putus tentang kenaikan kadar faedah Rizab Persekutuan AS dan kejatuhan harga komoditi.

Malaysia melaporkan nilai perdagangan keseluruhan bagi Ogos tahun ini sebanyak RM122.86 bilion, jatuh 0.8% berbanding setahun lalu.

Eksport tumbuh 4.1% kepada RM66.53 bilion manakala import susut 6.1% kepada RM56.34 bilion, memberikan lebih dagangan sebanyak RM10.19 bilion, kata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam kenyataan hari ini.

Ia berkata jumlah itu merupakan lebih dagangan bulan ke-214 berturut-turut sejak November 1997. – Bernama, 7 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/malaysia-catat-kdnk-5-tahun-ini-eskport-turun-kata-hong-leong>